



JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

IKLAN PENGAMBILAN

PERSONEL *SHORT-TERM EMPLOYMENT PROGRAM* (MySTEP) TAHUN 2021

Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia ingin mempelawa wargenegara Malaysia yang berumur tidak kurang 25 tahun yang berkelayakan bagi mengisi jawatan kontrak di bawah *Personel Short-Term Employment Program* (MySTEP) bagi tahun 2021 seperti berikut :-

PERANGKAWAN (1 Kekosongan)

Kelulusan :

- Minimum Sarjana Muda dalam ekonomi, statistik, sains aktuari, matematik atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- Memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Kemahiran :

- Mempunyai kemahiran tinggi dalam teori dan aplikasi statistik seperti analisis statistik, *regression, statistical testing*;
- Memiliki kemahiran mentafsir dan menganalisis data khususnya yang melibatkan data pasaran buruh;
- Memiliki pengalaman dalam penghasilan dan penulisan laporan berbentuk ilmiah; dan
- Memiliki pengalaman dan kemahiran dalam *Statistical/Visualization Tools* seperti *Tableau, Eviews, SPSS, dan Excel VBA*

Kriteria tambahan :

Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

Skop dan Tanggungjawab :

- Merancang proses pengumpulan data Jabatan;
 - Mengumpul, menganalisa dan mentafsir data Jabatan;
 - Mereka bentuk dan menghasilkan templat pelaporan di dalam bentuk power point, poster dan pamflet Jabatan; dan
 - Menyampaikan penemuan dan penafsiran data Jabatan kepada pihak pengurusan atasan Jabatan
-

PENGATURCARA KOMPUTER (1 Kekosongan)

Kelulusan :

- Memiliki minimum Sarjana Muda Dalam Bidang Teknologi Maklumat / Kejuruteraan Perisian Dan Pengaturcaraan/Kejuruteraan Elektrik yang diiktiraf oleh institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- Memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

Kemahiran :

- Mahir serta berpengetahuan menggunakan salah satu bahasa pengaturcaraan seperti:
C+,C#, PHP, HTML, CSS, Java/JavaScript, SQLR, Phyton adalah satu kelebihan
- Mempunyai kemahiran tinggi dalam Microsoft Excel dan Google Sheet
- Mempunyai kemahiran dalam pc dan *network troubleshooting*.
- Mempunyai pengalaman dalam mana-mana projek *datawarehouse* terutama projek menggunakan database Tiberio adalah satu kelebihan.
- Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam penggunaan Statistical/Visualization Tools seperti Tableau, SAS VA, Qlick, HighChart, D3.js, GGplot, MS Excel, Google Charts adalah satu kelebihan.

Skop dan Tanggungjawab :

- Menguruskan pangkalan data *Labour Market Database* (LMD) Jabatan;
- Membantu pegawai dalam proses pemurnian dan penyediaan data;
- Membantu pegawai mereka bentuk pelaporan dalam infografik; dan
- Memantau dan menyelaras integriti data dari semasa ke semasa dalam aspek ketersediaan dan ketepatan data.

Kriteria tambahan :

Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris

Gaji	: RM2,000 sebulan
Tempoh	: Februari hingga 31 Disember 2021
Kemudahan	: i) Cuti Rehat ii) Cuti Sakit iii) Caruman KWSP iv) Caruman PERKESO
Penempatan	: Ibu Pejabat Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Putrajaya

CARA MEMOHON :

Calon yang berminat hendaklah mengemukakan dokumen seperti berikut:

- a) Curriculum Vitae (CV);
- b) Gambar berukuran passport terkini;
- c) Salinan kad pengenalan
- d) Salinan sijil yang tamat dan lengkap beserta transkrip berkaitan yang disahkan

Sila emelkan permohonan kepada bdpsgp@mohr.gov.my

Hanya Calon Yang Layak Dan Disenarai Pendek
Akan Dipanggil Untuk Sesi Temu Duga